

**TRANSISI KEPIMPINAN DALAM ISLAM: ANALISIS
TERHADAP CARA PEMILIHAN KHULAFAH AL-RASYIDIN**
(Leadership Transition in Islam: Analysis of Caliphate al-Rasyidin Election System)

INDRA FAUZAN*
NIDZAM SULAIMAN

Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Kepimpinan merupakan satu kemestian dalam pemerintahan Islam, kerana kehadiran kepimpinan merupakan perintah agama terutamanya dalam konteks kekuasaan sama ada kekuasaan politik ataupun dibawahnya. Proses transisi kepimpinan dan kekuasaan dalam politik moden merupakan satu elemen yang sangat penting kerana ia menunjukkan ciri sistem politik sesebuah negara, sama ada berada dalam sistem berdemokrasi, monarki, sosialis dan sebagainya. Walau bagaimanapun, Islam sebagai sebuah agama yang mencakupi pelbagai aspek kehidupan secara khusus tidak memberikan satu pola khas dalam peralihan kepimpinan dan kekuasaan ini. Dalam kes kepimpinan masa Khulafa' al-Rasyidin terlihat bahawa terdapat pelbagai mekanisma pemilihan pemimpin pengganti Rasulullah. Terpilihnya Abu Bakar, Umar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan dan Ali Ibn Abi Thalib adalah melalui mekanisme pemilihan yang berbeza satu sama lain sama ada ia dipilih melalui musyawarah, dipilih atau ditunjuk secara langsung. Model kepimpinan ini menunjukkan bahawa Islam memberi kebebasan dalam hal kepimpinan kepada mereka yang memiliki ciri-ciri yang diperlukan terutamanya dalam hal keimanan. Bukan sebarang tokoh boleh memilih pemimpin dan tidak semua individu boleh menjadi pemimpin kecuali mereka memiliki elemen ketokohan yang baik seperti keimanan, adil, cergas dan sebagainya. Makalah ini menerokai bagaimana peralihan kepimpinan dan kekuasaan dalam masa khulafa' al-Rasyidin tersebut dan akan dibincang melalui analisa pemilihan dalam sistem politik. Kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang digunakan untuk menerokai mekanisme pemilihan khalifah melalui pengutipan dokumen.

*Corresponding author: Indra Fauzan, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia, [e: ifauzan_ukm@yahoo.com](mailto:ifauzan_ukm@yahoo.com)
Diserahkan: 24 September 2018
Diterima: 9 Ogos 2019
DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2019-1102-05>

Secara keseluruhan makalah ini diharap memberi satu sumbangan pemikiran yang signifikan terhadap konsep kepemimpinan dan kekuasaan dalam politik Islam.

Kata kunci: Kepimpinan; legitimasi; penggantian politik; Khulafa' al-Rasyidin; politik Islam.

ABSTRACT

Leadership is essential in Islamic government, the presence of leadership is a religious order especially in the context of power either political or subordinate. In modern politics the process of transition of leadership and power is a very important element as it reflects the political system of a country, whether in the democratic, monarchical, socialist and so on. Islam as a religion that embraces all aspects of life however does not provide a specific pattern in this transition of leadership and power. In the case of the leadership of the Caliph al-Rashidin's time it was apparent that there were various mechanisms for the election of the successor of the Prophet. Selected Abu Bakr, Umar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan and Ali Ibn Abi Talib through different voting mechanisms whether they were selected by deliberation, elected or directly represented. These leadership models show that Islam gives leadership freedom to those who have the qualities needed especially in matters of faith. Not any person can choose a leader and not everyone can be the leader except those who have good leadership elements like faith, justice, fitness and so on. This article explores how the transition of leadership and power during the archeological caliphate and will be discussed through electoral analysis in the political system. Library methods are a widely used method of exploring caliphate selection mechanisms through document collection. Overall this article hopes to contribute a significant amount of thought to the concept of leadership and power in Islamic politics.

Keywords: *Leadership; legitimacy; political replacement; Caliphate al-Rasyidin; Islamic politics.*

PENGENALAN

Khulafa' al-Rasyidin adalah Khalifah (Pemimpin umat Islam) yang melanjutkan kepemimpinan Rasulullah SAW sebagai Khulafa' al-Rasyidin, penguasa dan juga ketua negara (pemerintahan) pada ketika itu. Tugas para khalifah ini adalah untuk menjaga pemerintahan yang telah dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam memelihara dan mempertahankan Islam sebagai agama dan juga mempertahankan wilayah mereka. Pemimpin karismatik dan berpengaruh amat diperlukan dengan memiliki ilmu pengetahuan yang luas, ketaatan dan keimanan serta tentu sahaja darjat yang tinggi

sehingga ia disegani kawan dan juga lawan baik dari umat Islam sendiri mahupun dari musuh Islam. Terdapat empat Khulafa' al-Rasyidin yang tercatat dalam sejarah Islam iaitu Abu Bakar, Umar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan dan Ali Ibn Abu Thalib.

Keempat-empat khalifah tersebut dipilih melalui cara pemilihan yang berbeza antara satu dengan yang lain dan sesuai dengan *ijtihad* pemimpin ketika itu sehingga sistem peralihan kepimpinan dan kekuasaan dilakukan melalui mekanisma yang berbeza sama ada ditunjuk, dipilih atau melalui musyawarah. Antara perbandingannya apabila ia merujuk kepada sistem politik moden lain seperti demokrasi misalnya demokrasi memberikan kuasa kepada rakyat untuk memilih pemimpin mereka melalui mekanisme pilihan raya tidak kira demokrasi berparlimen atau demokrasi berpresiden, kerana dalam demokrasi, kebebasan dan kedaulatan terletak pada tangan rakyat tidak kira sama ada orang kaya, profesor, pemandu atau banduan sekalipun mereka memiliki suara yang sama. Masalah ini diterangkan oleh beberapa sarjana seperti Schumpeter (1947), Dahl (1971), Lijphart (1984) dan Huntington (1991).

Model pemilihan pemimpin inilah yang kemudiannya menjadi persoalan dan pertentangan para sarjana terutamanya sarjana barat dan juga para sarjana Islam terutama yang sarjana sekular yang menganggap bahawa Islam tidak memiliki satu sistem atau model pemilihan yang kuat dan pantas dalam konteks politik moden berbanding sistem politik moden terutamanya demokrasi. Para sarjana ini merujuk kepada peralihan kekuasaan daripada Rasulullah SAW kepada khalifah sesudahnya yang dikenali dengan Khulafa' al-Rasyidin. Dalam konteks pemilihan Khalifah ini, mereka tidak menerima petunjuk ataupun informasi tentang bagaimana memilih atau memulakan sebuah kepimpinan atau mengakhirinya.

Justeru dalam konteks politik dan agama betapa pentingnya sesebuah kumpulan sama ada besar ataupun kecil untuk memiliki pemimpin apatah lagi kepimpinan politik, sama ada pemimpin parti politik atau pimpinan sesebuah negara. Satu sistematika khusus atau model diperlukan untuk memilih pemimpin kerana pentingnya seorang pemimpin. Sebagaimana sabda Baginda Rasulullah SAW yang bermaksud; 'jika kamu keluar bermusyafir seramai tiga orang, hendaklah kamu melantik salah seorang daripada kamu sebagai ketua' (al-Anbariy 2008). Melalui hadis ini Rasulullah SAW berpesan betapa pentingnya kepimpinan dalam Islam walaupun dalam kumpulan yang kecil sekalipun.

Walau bagaimanapun, dalam Islam tidak ditunjukkan secara khusus sistem mana yang mesti diikuti serta bagaimana untuk memilih pemimpin, sehingga dirasakan perlu untuk melihat dan menerokai bagaimana transisi kepimpinan dan kekuasaan dalam Islam. Ini adalah kerana pada masa kini pandangan moden dan demokratik melihat kepimpinan monarki sebagai ketinggalan dan tidak demokrasi.

Persoalannya, adakah terdapat satu sistem pemilihan yang khusus menurut Islam? Apakah sistem monarki mutlak yang berketurunan, lantikan seperti sistem komunis dan pilihanraya seperti demokrasi itu yang bersifat Islamik. Atau apakah Islam tidak memaksa satu sistem yang khas yang perlu dipatuhi oleh mana-mana umat Islam? Makalah ini melihat bagaimana transisi kepemimpinan dan kekuasaan zaman Khulafa' al-Rasyidin, sekaligus menjadi rujukan asas bagaimana sebenarnya mekanisme kepemimpinan dan penggantian pada masa dahulu.

PEMAHAMAN TENTANG KEPIMPINAN DAN KEKUASAAN

Pengertian Kepimpinan

Kepimpinan merujuk kepada tafsiran para sarjana barat adalah sifat ketua sesebuah organisasi, kumpulan, ataupun pemerintah sesebuah negara itu melaksanakan pengurusan, pentadbiran, pemerintahan serta amanahnya terhadap organisasi dan orang bawahannya. Sifat pemerintahan ini banyak dipengaruhi oleh karisma dan proses kepemimpinan itu sendiri sama ada ia diberikan atau diambil atau juga kepemimpinan yang dipilih oleh pengikutnya (rakyat). Karisma kepemimpinan ini telah lama menjadi bahan kajian tetapi sebagai sebuah pemahaman keilmuan ia akan terus menjadi perhatian pengkaji untuk memahami sebuah fenomena masyarakat dan kepemimpinan. Ini adalah kerana kepemimpinan sendiri memiliki ciri dan pemahaman yang boleh membuat orang lain memahami bagaimana organisasi itu terbentuk dan digerakkan. Setiap penggantian pemimpin secara tidak langsung akan merubah gaya dan sistem sesebuah organisasi tersebut yang disesuaikan dengan gaya dan falasah kepemimpinan yang dijalankan.

James A.F. Stoner dalam Umar (1998) menyatakan kepemimpinan merupakan sebuah proses pengarahan dan pengaruh aktiviti yang berhubung kait dengan tugas daripada ahli kelompok. Kepimpinan yang efektif adalah kepemimpinan yang bergantung kepada sistem pengurusan yang baik. Northouse (2004) dan Cohen (2010) pula mengatakan bahawa kepemimpinan adalah sebuah proses yang mana individu mempengaruhi sekumpulan individu lain yang memiliki tujuan bersama. Sebuah definisi yang baik sekali bahawa secara asas sememangnya pemimpin harus memiliki pengaruh dalam persekitarannya agar dia mampu untuk memberikan perintah dan instruksi kepada orang yang dipimpinnya (Robin & Judge 2010; Greenberg 2011). Namun Yukl (2002) dalam Bolden (2004) mengatakan bahawa 'kebanyakan definisi kepemimpinan mencerminkan andaian yang ia melibatkan sebuah proses sosial yang mana sebuah pengaruh yang dimiliki oleh seseorang atau sekumpulan orang atas umat yang lain (atau kumpulan) untuk menstrukturkan aktiviti dan hubungan dalam kumpulan atau organisasi'. Ia melibatkan faktor sosial dan kelihatan di sini peri pentingnya aturan dan norma dipatuhi.

Pemahaman tentang kepimpinan merupakan pemahaman bagaimana kemampuan diri seorang pemimpin mengendalikan orang lain atau sesebuah kumpulan dalam rangka untuk mewujudkan kepentingan bersama sehingga dalam kepimpinan diperlukan pelbagai cara sehingga matlamat yang ingin dicapai dapat dipenuhi.

Kepimpinan dan Kekuasaan dalam Islam

Islam memiliki pandangan tersendiri dalam melihat kepimpinan dan kekuasaan. Dalam Islam, segala sesuatu yang dijalankan memiliki asas pemikiran dan pandangan yang merujuk kepada al-Quran dan Sunnah Nabi, begitu juga perilaku kepimpinan dan kekuasaan. Sedangkan kepimpinan tersebut memiliki beberapa istilah antaranya adalah Khalifah, Imarah, Imamah, Sultan, al-Malik dan Amirul Mukminin. Istilah tersebut merujuk kepada pengertian yang hampir sama kerana ia merujuk kepada pemimpin umat atau ketua negara. Kepimpinan sebagai amanah daripada Allah yang diberikan kepada seseorang melalui pengakuan atau legitimasi oleh orang ramai melalui mekanisme bai'ah. Walaubagaimanapun bai'ah ini amat penting dalam kepimpinan Islam kerana ia merupakan legitimasi atau manifestasi penerimaan oleh anggota masyarakat. Bai'ah mesti menyusul sebagai tanda legitimasi tanpa mengira bagaimana ia dipilih sama ada secara lantikan atau pilihan ramai.

Justeru, kepimpinan dan kekuasaan dalam Islam bukan sekadar kontrak sosial antara pemimpin dengan masyarakat sahaja, tetapi juga bagaimana bentuk pengabdian kepada Allah SWT. Kepimpinan melahirkan kekuasaan dan autoriti untuk memudahkan dan menjalankan tanggung jawab dalam memberikan khidmat kepada rakyat yang dipimpinya. Semakin tinggi kekuasaan seseorang maka sepatutnya ia semakin dekat dengan Allah SWT kerana asas daripada kepimpinan dalam Islam adalah menjalankan hukum Allah dimuka bumi. Sebaliknya pemimpin yang semakin jauh daripada rakyat akan sentiasa bersikap menyeleweng dan memerintah dengan sewenang-wenangnya sehingga menyebabkan mereka semakin jauh daripada Allah SWT dan dalam pandangan Islam pemimpin seperti ini dilihat sebagai pemimpin zalim.

Masyarakat wajib melantik pemimpin yang bertanggung jawab menjaga urusan agama dan urusan kehidupan umat Islam, menyekat keganasan musuh, membantu orang yang dizalimi daripada kezaliman, meletakkan sesuatu hak pada tempatnya, menjaga keamanan negara, keselamatan rakyat, mencegah kerosakan, kerana rakyat tidak terjamin keselamatan mereka kecuali melalui pemimpin yang mengawal urusan dan kepentingan hidup mereka. Al-Mawardi (2005) dalam tulisannya *al-Ahkam al-Sulthaniyah* mengatakan bahawa pemimpin itu dilantik untuk menggantikan nabi dalam urusan menjaga agama dan mentadbir dunia, dan

melantik pemimpin yang bertanggungjawab dalam urusan tersebut merupakan suatu kewajipan yang disepakati ulama.

Tasmara (2002) mengatakan bahawa memimpin bukan sahaja untuk mempengaruhi orang lain atau kumpulan mengikut apa yang diinginkannya, tetapi bagi seorang muslim, kepimpinan adalah bagaimana menjalankan syariat Islam sesuai dengan ajaran yang ditetapkan oleh Allah SWT dan Rasul-Nya. Hakikatnya dalam kepimpinan Islam seorang pemimpin haruslah mampu tampil sebagai teladan dan juga contoh yang baik, adil dan tentunya seorang yang beriman kepada Allah SWT untuk menegakkan nilai *illahiah* yang akan membawa orang yang dipimpinnya kepada kebahagiaan dunia dan akhirat. Dalam konteks kemaslahatan umat ini seorang pemimpin haruslah mampu menjadi Kadi (Hakim) bagi orang muslim dan juga seorang yang alim mujtahid agar ia tidak lagi meminta fatwa kepada orang lain untuk menyelesaikan masalah masalah ummah, kerana sesungguhnya pemimpin adalah pelayan bagi rakyat dan mampu melayani rakyatnya dengan baik seperti yang disampaikan oleh hadis baginda Rasulullah SAW yang bermaksud 'pemimpin suatu kaum adalah pengabdian (pelayan) umatnya' (HR. Abu Naim).

Terdapat beberapa definisi kepimpinan dalam terminologi Islam, antaranya adalah Khalifah atau 'Khalif' adalah gelar bagi pemimpin umat Islam setelah wafatnya Rasulullah SAW (570-632) yang mana Khalifah merupakan penerus kepimpinan Muhammad SAW untuk melindungi dan mempertahankan wilayah Islam (al-Anbary 2008; Ashaari 2008). Peranan khalifah adalah sebagai pemimpin umat sama ada dalam pengurusan negara mahupun urusan agama, dalam konteks sejarah pemilihan Khalifah dilakukan dengan beberapa cara seperti wasiat ataupun oleh majlis Syura' yang merupakan majlis *Ahlul Halli wal Aqdi* iaitu para ahli ilmu (khususnya keagamaan) dan mengerti permasalahan ummat. Sedangkan legitimasinya dilakukan dengan cara *bai'ah* yang merupakan perjanjian antara pemimpin dan rakyatnya (kaum muslimin).

Namun apabila merujuk kepada surah al-Baqarah ayat 35 tentang Khalifah adalah wakil Allah di bumi, hal ini bukan bererti khalifah menggantikan Allah di bumi ini, ia bermaksud manusia (pemimpin) adalah sebagai salah satu aspek untuk menguruskan bumi ini. Apabila merujuk kepada Muhammad Baqir al Shadr dalam T.M Aziz (2000), kepercayaan Allah kepada manusia dengan kekhalifahan di muka bumi kerana manusia memiliki potensi utama iaitu kedudukan yang mulia berbanding dengan makhluk Allah yang lain, kekhalifahan merupakan kemuliaan yang membuat malaikat sujud kepadanya.

Konsep kedua adalah *Imarah* yang berasal dari kata *amr* yang bermaksud sebagai perintah, urusan atau dapat pula disebut sebagai kekuasaan. Sedangkan *amir* bermaksud sebagai orang yang memiliki kekuasaan yang mengurus atau penguasa, berarti keamiran atau pemerintahan, pengertian ini tidak jauh berbeza dengan *imamah*, yang mana perbezaannya ditinjau dari segi penggunaannya. *Imaroh* merupakan sebutan untuk jawatan *amir* dalam hanya negara kecil yang berdaulat untuk melaksanakan pemerintahan oleh seorang *amir*. Penggunaan kata *imarah* ini pertama kalinya digunakan oleh Khalifah kedua iaitu Umar Ibn Khattab yang bergelar Amirul Mukminin (Ashaari 2008; al-Anbariy 2008). Umar Ibn Khattab tidak mahu menyebut dirinya sebagai Khalifah kerana khuatir terjadi penyebutan kata Khalifah yang berulang. Apabila gelaran Khalifah tetap dipertahankan, ia bimbang bahawa setelah para sahabat maka akan muncul khalifah yang lain, kerana apabila merujuk kepada kata khalifah adalah penerus kepimpinan Rasulullah (Ibn Khateer et al. 2001).

Ketiga, konsep kepimpinan adalah *Imamah* pada mulanya adalah suatu istilah yang neutral untuk menyebutkan sebuah negara. Istilah *imamah* dan khilafah dalam literature klasik disandingkan secara bersamaan untuk merujuk pada pengertian yang sama. Namun dalam perkembangannya *imamah* kemudian menjadi istilah khusus dalam kalangan Syi'ah yang secara kontekstual adalah dalam bentuk wilayah al-Faqih. Kelompok Syiah memandang *imamah* merupakan sebahagian yang fundamental daripada ajaran agama mereka. Dalam perspektif kontemporari lembaga *imamah* tersebut identik dengan lembaga kepresidenan atau ketua negara. Menurut Ibn Khaldun dalam Daud (1996) 'bahawa jawatan Imam atau ketua negara bukannya sebahagian daripada masalah umum yang boleh diserahkan kepada rakyat biasa memilih siapa sahaja yang disukainya menjadi ketua negara. Justeru jawatan tersebut adalah rukun agama dan teras ajaran Islam yang tidak harus bagi seseorang nabi melupakannya sehingga sampai urusan tersebut diserahkan kepada rakyat membuat pilihan'.

Konsep ahlussunnah waljamaah (sunnī) memberi pengertian bahawa *imamah* bukanlah sebuah jawatan atau warisan dan bukan pula masalah prinsip atau rukun dalam agama. Mengikut pandangan ahlussunnah waljamaah, *imamah* ini tidak lain hanya dikenali dengan istilah imam solat (al-Anbariy 2008). Sedangkan al-Mawardi berpandangan bahawa imam adalah khalifah, raja, sultan atau ketua negara, sehingga al-Mawardi juga memberikan pandangan bahawa jawatan ketua negara tidak semata-mata jawatan politik tetapi juga melengkapi persoalan agama. Menurut beliau, Allah SWT mengangkat seorang pemimpin sebagai pengganti (Khalifah) nabi, untuk menjaga keselamatan agama, disertai dengan amanah politik (al-Mawardi 2005; Ashaari 2008). Oleh yang demikian, *imamah* adalah pemimpin agama, dan juga pemimpin politik yang memiliki kuasa yang luas.

Mana-mana pemerintahan mestinya tidak patut diberi gelaran sebagai ‘Khalifah Allah’ kerana gelaran khalifah diberi kepada orang yang menggantikan orang yang telah tiada atau meninggal dunia sedangkan Allah tidak hilang atau mati (al-Anbariy 2008) tetapi ia hanya diberi gelaran Khalifah dan Khalifah Rasulullah SAW, kerana ia menggantikan Rasulullah SAW dalam urusan umatnya. Namun, dilarang memberikan gelaran ‘*Syahan Syah*’ kerana ia memberi makna raja segala raja, dan sifat ini hanya layak dimiliki oleh Allah SWT sahaja (al-Nawawy dalam al-Anbariy 2008).

Sehingga dalam konsep ini kepimpinan dalam Islam sejatinya dapat dikonsepskan ke dalam tiga konsep iaitu Khalifah, *imaroh* dan juga *imamah*. Ketiga-tiga konsep ini sebenarnya memiliki karakteristik yang berbeza walaupun praktiknya memiliki tanda yang sama iaitu kepimpinan ummah. Namun, khalifah lebih lengkap apabila merujuk kepada aspek teologis yang pekat kerana merupakan asas utama dalam kepimpinan Islam setelah Rasulullah SAW, khalifah merupakan orang yang terpilih kerana keimanan, kemuliaan, cerdas, cergas dan juga hebat, kerana khalifah tidak hanya menjangkau aspek teologi tetapi juga mencakupi aspek sosiologi. Berbeza dengan *imaroh* dan *imamah* seperti dijelaskan sebelum ini, *imaroh* lebih dekat kepada aspek kemasyarakatan kerana ia merupakan penguasa (amir) sedangkan *imamah* lebih merujuk kepada aspek teologis sebagaimana imam solat dengan pelbagai syarat yang ketat.

PROSES PEMILIHAN EMPAT KHULIFA’ AL-RASYIDIN

Merujuk kepada sejarah politik Islam pasca Rasulullah SAW bahawa transisi kepimpinan dan kekuasaan mempunyai beberapa karakteristik dan sistem yang berbeza, hal ini boleh dilihat melalui pelbagai model untuk menjadi khalifah. Ketika Baginda Rasulullah SAW wafat beliau tidak menunjuk sesiapa yang akan menjadi pengganti beliau dan tidak juga memberitahu bagaimana cara atau mekanisme pemilihan seorang pemimpin dalam Islam. Sehingga pada masa itu umat Islam mengalami rasa amat dukacita dan kebingungan kerana tidak tahu sesiapa yang akan menjadi pemimpin umat Islam sebagai ganti Rasulullah SAW. Sehingga mahu tidak mahu umat Islam ketika itu harus menemukan dan menentukan cara untuk memilih pemimpin pengganti Rasulullah SAW.

Dalam sejarah Islam pasca wafatnya Rasulullah SAW, maka dipilihlah seorang pemimpin untuk menggantikan beliau sebagai pemimpin umat Islam yang disebut dengan Khalifah Rasulullah atau pengganti Rasulullah. Terdapat empat orang Khalifah setelah Rasulullah, mereka adalah Abu Bakar Siddiq, Umar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan dan Ali Ibn Abu Thalib. Keempat-empat khalifah tersebut dipilih kerana mereka memiliki kualifikasi, kualiti dan kecekapan yang dijamin oleh Rasulullah

SAW, walaupun ada daripada umat Islam masa itu yang tidak bersetuju dengan kepimpinan mereka dengan alasan yang pelbagai. Walau bagaimanapun, mereka adalah khalifah terbaik yang dimiliki oleh kaum muslimin sepanjang sejarah.

Khalifah pertama adalah Abu Bakar, beliau dipercayai sebagai seorang yang paling dekat dengan Rasulullah SAW dan juga memiliki darjah keimanan dan kecerdasan yang tidak diragukan, kerana semasa hidupnya beliau adalah orang yang selalu mendampingi Rasulullah SAW. Abu Bakar menjadi Khalifah pertama dan memberi berkhidmat selama dua tahun iaitu dari tahun 632-634M. Abu Bakar dipilih berasaskan kepada kesepakatan musyawarah atau *Syura* dalam kalangan pemimpin utama antara orang-orang yang dekat dengan Rasulullah SAW. Para rakan rapat Rasulullah SAW bermesyuarah dan membentuk konsensus yang menyatakan Abu Bakar merupakan tokoh yang paling sesuai pada ketika itu untuk meneruskan perjuangan Islam.

Terpilihnya Abu Bakar merupakan proses daripada kesepakatan antara umat Islam ketika itu yang merasai kehilangan Rasulullah SAW, kerana tiadanya petunjuk secara khusus tentang sesiapa yang akan memimpin umat Islam ketika itu. Maka terjadilah perbezaan pandangan di antara kaum anshar dan muhajirin yang mana kedua-dua kumpulan ini merasa berhak untuk memilih pengganti Rasulullah SAW daripada kumpulan mereka. Dikhuatiri terjadi perpecahan antara umat Islam, bahkan sebahagian dari jazirah arab berniat untuk memisahkan diri dan bahkan sudah muncul beberapa orang mengaku sebagai Nabi. Bagi menenangkan situasi itu maka atas inisiatif tersebut Umar Ibn Khattab dan Abu 'Ubaidah mengambil inisiatif untuk mendamaikan perdebatan tersebut. Maka diutuslah seseorang supaya datang kepada Abu Bakar untuk berbincang bersama di tempat pertemuan kaum Anshar di Saqifah Bani Saidah (Munawir Sadzali 1990; Haykal 1995; Muhammad Sharif Chaudry 1996; Muhammad Iqbal 2000; Ibn Khateer et al. 2001).

Berlaku diskusi yang panjang dan panas dalam pertemuan tersebut kerana puak Khazraj mencadangkan Sa'ad ibn 'Ubadah untuk menjadi khalifah tetapi tidak dipersetujui oleh para peserta diskusi, sehingga sampailah Umar Ibn Khattab, Abu 'Ubadah dan Abu Bakar di situ dan terjadilah perbincangan yang jelas menolak kepimpinan kaum Muhajirin. Suasana menjadi tegang dan panas serta berlaku perdebatan yang panjang sehingga akhirnya Abu Bakar terpilih menjadi Khalifah.

Terpilihnya Abu Bakar dalam pertemuan tersebut berdasarkan cadangan daripada Umar Ibn Khattab yang bangkit dari tempat duduknya dan menuju ke tempat Abu Bakar kemudian baiah kepada beliau dan menyerahkan kesetiaannya kepada Abu Bakar. Tindakan Umar Ibn Khattab tersebut akhirnya diikuti oleh Abu 'Ubaidah serta kaum Muhajirin dan Anshar (Munawir Sadzali 1990; Muhammad Iqbal 2000;

Ibn Khateer et al. 2001). Peristiwa tersebut terkenal dengan dengan nama Baiah Saqifah dan pada hari berikutnya Abu Bakar naik ke mimbar Masjid Nabawi dan berlangsung baiah taat umum daripada umat Islam. Sementara Sa'ad Ibn 'Ubadah hingga akhir daripada kepimpinan Abu Bakr tidak pernah memberikan baiah kepada Abu Bakar (Muhammad Iqbal 2000).

Khalifah kedua adalah Umar Ibn Khattab yang mentadbir selama 10 tahun daripada (634-644 M) dan beliau adalah khalifah yang memiliki karakter yang berbeza daripada Abu Bakar Sidiq. Terpilihnya Umar Ibn Khattab setelah melalui mekanisme yang berbeza daripada Khalifah Abu Bakar, ia tidak melalui mekanisme musyawarah yang terbuka sebaliknya Umar Ibn Khattab ditunjuk oleh Abu Bakar melalui surat, sehingga secara tidak langsung ia bersifat wasiat (Munawir Sadzali 1990; Muhammad Iqbal 2000). Sebelum itu pada tahun ketiga kekhalifahan Abu Bakar beliau mendadak jatuh sakit sehingga beliau tidak pergi ke masjid selama 15 hari dan beliau telah meminta Umar Ibn Khattab untuk mewakili beliau menjadi imam solat. Apabila semakin hari sakitnya semakin tenat dan khuatir akan meninggal, Abu Bakar berfikir beliau perlu segera untuk memilih seorang pengganti. Beliau tidak mahu kejadian di Saqifah berulang kembali dan perpaduan umat Islam mesti dipelihara. Maka Abu Bakar berfikir bahawa orang yang paling layak untuk memimpin adalah Umar Ibn Khattab (Ibn Khateer et al. 2001).

Khalifah Abu Bakar akhirnya bermesyuarat dengan beberapa sahabat senior secara tertutup untuk menentukan bahawa pemimpin umat selanjutnya adalah Umar Ibn Khattab. Antara sahabat senior tersebut adalah Abd al-Rahman bin Auf dan Uthman Ibn Affan dari kelompok Muhajirin dan Asid bin Khudair dari Anshar. Dalam pertemuan tertutup tersebut Abu Bakar menyampaikan niatnya untuk mencadangkan Umar Ibn Khattab sebagai penggantinya menjadi Khalifah dengan pelbagai pertimbangan yang baik-baik kerana Umar Ibn Khattab juga merupakan salah seorang sahabat Rasulullah yang utama dan juga disegani kawan mahupun lawan. Apa yang penting di sini ialah pemilihan yang dibuat oleh Abu Bakar ini tidak dilakukan dengan sewenang-wenang. Sebagai pemimpin yang memiliki integriti yang tinggi, beliau telah mengadakan perbincangan dan mendapatkan pandangan orang kanan dalam membuat keputusan. Orang kanan ini bukan juga orang biasa tetapi ada yang termasuk dalam jaminan Rasulullah SAW sebagai sepuluh yang dijamin ke syurga, sudah tentu pemikiran dan pandangan mereka begitu khusus untuk kepentingan agama dan umat. Tidak ada persoalan kepentingan peribadi, kepentingan rakan dan asbiyah kaum di sini.

Umar Ibn Khattab juga memiliki keluasan ilmu agama, kecerdasan, memiliki sifat yang adil dan tentu juga tegas walaupun dikhuatiri beliau memiliki sikap yang keras

tetapi Abu Bakar berfikir bahawa seiring dengan waktu maka sifat keras tersebut akan berubah dan tentunya Umar Ibn Khattab akan lebih bijak dalam bersikap setelahnya (Munawir Sadzali 1990; Chaudhry 1996; Muhammad Iqbal 2000; Ibn Khateer et al. 2001). Setelah wafatnya Abu Bakar maka umat Islam baik dari kaum Muhajirin mahupun Anshar berbaiah secara terbuka kepada Umar Ibn Khattab dan mereka berseru akan setia kepada kepimpinan beliau di Masjid Nabawi.

Khalifah yang ketiga adalah Uthman Ibn Affan yang mentadbir Mekah lebih kurang 12 tahun lamanya daripada tahun 644 sampai tahun 656M. Terpilihnya Uthman Ibn Affan adalah melalui mekanisme yang sama sekali berbeza daripada pemilihan Abu Bakar dan juga Umar Ibn Khattab. Umar Ibn Khattab dalam keadaan sakit yang teruk akibat ditikam dengan kejam sebanyak enam tikaman oleh seorang Parsi bernama Fairus atau lebih dikenali sebagai Abu Lu'luah. Pada ketika itu, hadir sejumlah tokoh masyarakat yang memohon kepada Umar Ibn Khattab untuk segera menunjuk siapa pengganti beliau kerana mereka khuatir dengan luka khalifah yang begitu serius. Umar Ibn Khattab dirasakan tidak akan hidup lebih lama lagi dan apabila khalifah wafat tanpa ada sesiapa yang menjadi pengganti beliau maka dibimbangi akan terjadi perpecahan dalam kalangan umat Islam. Pada mulanya Umar Ibn Khattab menolak permintaan para tokoh tersebut kerana merasa orang yang sesuai menggantikannya telah terlebih dahulu meninggal, bahkan beliau marah sekali ketika ada usulan untuk menunjuk putera beliau Abdullah Ibn Umar menjadi khalifah. Para tokoh tersebut kemudian pergi dari kediaman Umar Ibn Khattab dengan kecewa, tetapi ketika melihat perpecahan semakin kelihatan mereka sekali lagi mendatangi rumah khalifah dan mendesak beliau untuk segera menunjuk siapa yang akan menjadi pemimpin berikutnya (Munawir Sadzali 1990; Chaudhry 1996; Muhammad Iqbal 2000; Ibn Khateer et al. 2001).

Akhirnya Umar Ibn Khattab mengambil putusan untuk membentuk majlis syura, beliau hanya menyebutkan nama enam sahabat senior dan mereka nanti yang harus memilih seorang di antara mereka untuk menjadi Khalifah. Para sahabat senior itu adalah: Ali Ibn Abu Thalib, Uthman Ibn Affan, Saad Ibn Abu Waqqas, Abd al-Rahman Ibn Auf, Zubair Ibn Awwam dan Thalhah Ibn Ubaidillah serta Abdullah Ibn Umar putera beliau tapi tanpa 'hak suara'. Pertimbangannya adalah keenam-enam tokoh tersebut adalah mereka yang dikatakan nabi sebagai calon penghuni syurga dan mereka bukan mewakili kumpulan atau puak tertentu. Beliau berpesan untuk mereka bermesyuarat dalam menentukan siapa yang akan menjadi khalifah selanjutnya. Pada akhirnya pilihan dijatuhkan kepada Uthman Ibn Affan. Beberapa riwayat disebutkan bahawa Ali Ibn Abi Thalib adalah orang yang pertama baiah kepada Uthman Ibn Affan dan diriwayat yang lain beliau adalah orang yang terakhir yang berbaiah namun tetap sahaja Ali Ibn Abi Thalib berbaiah kepada Uthman Ibn Affan (Munawir Sadzali 1990; Muhammad Iqbal 2000; al-Khateer et al. 2001).

Khalifah yang terakhir daripada Khalifah Rasulillah adalah Ali Ibn Abi Thalib, seorang yang paling awal masuk Islam dan beliau juga sepupu Nabi Muhammad SAW dari pada bapa saudara beliau iaitu Abu Thalib. Terpilihnya Khalifah Ali Ibn Abi Thalib merupakan sebuah proses yang penuh dengan pelbagai cabaran. Setelah puak pemberontak membunuh Uthman Ibn Affan, beberapa tokoh mendesak Ali agar bersedia diangkat menjadi Khalifah kerana pada ketika itu Madinah sedang kosong. Ramai sahabat senior yang sedang berkunjung ke wilayah yang baru ditakluk dan hanya sedikit yang masih tinggal di Madinah, antaranya Thalhah Ibn Ubaidillah dan Zubair Ibn Awwam (Munawir Sadzali 1990). Tidak semua yang tinggal ketika itu menyokong Ali sebagai Khalifah antaranya Saad Ibn Abu Waqqas dan Abdullah Ibn Umar. Ali menolak keinginan para pemberontak dan bertanya di mana peserta perang Badr, di mana Thalhah, Zubair dan Saad kerana pada fikirannya mereka merupakan orang kanan yang berhak menentukan siapa yang harus menjadi khalifah. Maka muncul kemudian tiga tokoh senior tersebut dan mereka terus berbaiah kepada Ali dan segera diikuti oleh orang ramai baik dari kelompok muhajirin dan Anshar dan orang pertama yang berbaiah kepada Ali adalah Thalhah Ibn Ubaidillah (Muhammad Iqbal 2000).

Justeru perlu difahami pada peringkat ini terdapat tiga model utama tentang cara pemilihan pemimpin pasca Rasulallah SAW dan kelihatan ia berbeza antara satu dengan yang lain. Meskipun dalam proses pemilihan khalifah terdapat beberapa perbezaan seperti Syura, wasiat dan majlis syura, perbezaan itu memberikan petunjuk bahawa para khalifah tersebut memiliki ijthad masing-masing untuk kemaslahatan umat Islam ketika itu.

Namun pada kes Ali Ibn Abu Thalib penetapan beliau menjadi khalifah ditolak oleh Mu'awiyah bin Abu Sufyan, seorang Datuk Bandar di Syiria yang masih memiliki hubungan kerabat dengan Uthman Ibn Affan dengan alasan pertama, Ali harus dipertanggungjawabkan tentang terbunuhnya Uthman Ibn Affan dan kedua, berhubung dengan wilayah Islam telah luas dan munculnya banyak komuniti Islam di daerah yang baharu maka hak untuk menentukan khalifah merupakan bukan lagi hak orang di Madinah sahaja. Sikap penolakan Mu'awiyah tersebut juga disokong oleh beberapa sahabat di Madinah dan kemudian bergabung dengan Mu'awiyah di Syiria dan dari sini bermula perubahan perkembangan sejarah kepemimpinan umat Islam terutamanya pasca Khulafa' al-Rasyidin.

ANALISIS TRANSISI KEPIMPINAN DAN KEKUASAAN PADA MASA KHULAFAT AL-RASYIDIN

Proses terpilihnya para Khulafa' al-Rasyidin merupakan fenomena tersendiri dalam dinamika politik Islam yang memiliki keistimewaan sendiri dan berbeza dengan sistem

politik yang lain yang tidak diasaskan kepada agama, kerana dalam Islam kekuasaan mutlak adalah milik Allah SWT dan manusia (pemimpin) adalah wakil Allah di muka bumi. Segala sumber kekuasaan dalam Islam adalah al-Quran dan Sunnah Rasul, berbeza dengan demokrasi misalnya yang menyatakan sumber kekuasaan atau kedaulatan adalah ditangan rakyat, pemimpin menjalankan amanah berasaskan mandat yang diberikan oleh rakyat melalui mekanisma pilihanraya.

Dilihat lebih mendalam bahawa kepimpinan dalam Islam sangat berbeza dengan kepimpinan mengikut sarjana barat. Islam memiliki keistimewaan bahawa seorang pemimpin (Khalifah) adalah wakil Tuhan di muka bumi ini, sedangkan kepimpinan dalam terminologi barat merupakan bentuk daripada sifat dan proses kekuasaan, dia tidak nilai agama bahkan tidak berhubung kait dengan hukum tuhan. Sedangkan pemimpin dalam Islam merupakan proses penerapan hukum Allah, seorang khalifah haruslah orang yang memiliki pengetahuan keagamaan yang luas sehingga dia tidak ragu untuk mengambil keputusan dan menetapkan undang-undang yang berhubungan dengan ibadah, muamalah ataupun aspek sosial lainnya.

Apabila diteliti kes tersebut dalam proses pemilihan khalifah terdapat perbezaan yang jelas bahawa pemilihan seorang khalifah melalui beberapa model, hal ini tergambar daripada pemilihan Abu Bakar, Umar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan dan Ali Ibn Abu Thalib. Keempat-empat khalifah tersebut hadir dan muncul kerana kapasiti mereka sebagai orang yang sememangnya layak untuk menjadi pemimpin umat dan juga mereka adalah orang-orang yang memiliki jiwa dan karakteristik pemimpin. Mereka bukanlah ditunjuk kerana faktor keturunan, tidak dipilih oleh rakyat sebagaimana demokrasi, tetapi para khalifah ini adalah mereka yang memiliki kapasiti teologis yang baik secara keimanan, kecerdasan, pengalaman dan juga kapasiti mereka sebagai orang yang dihormati oleh umat Islam ketika itu.

Melalui pemilihan para khalifah tersebut yang paling tampak adalah *Syura* atau musyawarah, ini terlihat daripada bagaimana terpilihnya Abu Bakar, Umar Ibn Khattab dan juga Uthman Ibn Affan serta Ali Ibn Abi Thalib. Para khalifah tidak mendahulukan diri mereka untuk dicalonkan atau mencalonkan sebagai khalifah, tetapi kerana zuhud dan waraknya mereka yang lebih mendahulukan kepentingan umah daripada kepentingan peribadi maka harus dilakukan melalui musyawarah oleh orang pilihan. Walaupun pada pemilihan Umar Ibn Khattab ada sedikit perbezaan yang mana Abu Bakar 'menyebut nama beliau' selanjutnya diwasiatkan sebagai khalifah tetapi pada prosesnya beliau tetap meminta pandangan daripada para sahabat senior (Munawir Sadzali 1990; Muhammad Iqbal 2000).

Dalam konteks sejarah politik ini pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin tidak adanya satu model yang khusus bagaimana pemilihan atau pelantikan keempat-

empat khalifah tersebut dilakukan. Sejarah telah menunjukkan bagaimana pemilihan dibuat melalui cara yang berbeza; hal tersebut boleh bagaimana naiknya Abu Bakar melalui musyawarah kaum Anshar dan Muhajirin, Umar Ibn Khattab yang naik melalui ditunjuk (wasiat) oleh Abu Bakar. Naiknya Uthman Ibn Affan didahului oleh mesyuarat bersama oleh majlis atau lembaga yang ahlinya seramai enam orang kanan yang disenaraikan oleh Umar Ibn Khattab dan naiknya Ali Ibn Abu Thalib kembali seperti naiknya khalifah Abu Bakar.

Ia kelihatan sangat berbeza dengan sistem politik barat terutamanya sistem demokrasi, yang mana kekuasaan adalah pada tangan rakyat sebagai pemilik kedaulatan. Sebagaimana diketahui bahawa mekanisma peralihan kepimpinan dan kekuasaan politik dalam demokrasi adalah melalui pilihan raya yang rutin dilakukan dalam penggal tertentu. Sama ada demokrasi itu berparlimen atau berpresiden transisi kepimpinan dan kekuasaan itu tetap dilakukan melalui mekanisma pilihan raya, adanya parti politik yang bertanding, calon pemimpin yang mencalonkan atau dicalonkan untuk bertanding perebutan kekuasaan, melalui kempen pilihan raya yang penuh dengan fitnah, caci maki, politik wang dan sebagainya.

Justeru demokrasi seperti yang dinyatakan oleh Joseph Schumpeter (1947), bahawa demokrasi adalah prosedur kelembagaan untuk mencapai keputusan politik yang didalamnya individu memperoleh kekuasaan untuk membuat keputusan melalui perjuangan kompetitif dalam rangka memperoleh suara rakyat. *'...in political life there is always some competition'*. Beliau membandingkan pertandingan politik dengan ekonomi yang memiliki ruang persaingan yang kompleks, yang mana persaingan dalam ekonomi lebih bersifat kapitalistik dan bebas, sedangkan dalam demokrasi lazimnya persaingan mendapatkan kekuasaan.

Ketiadaan mekanisme pemilihan khas dalam menentukan siapa khalifah seterusnya bukanlah masalah pada ketika itu, kerana para sahabat Rasulullah SAW adalah mereka yang sememangnya memiliki kapasiti dan kebolehan untuk menjadi pemimpin, biasanya adalah orang yang sangat taat kepada aturan Allah dan Rasulullah SAW, sangat memahami al-Quran dan Sunnah sehingga diri mereka terlepas daripada perebutan kekuasaan sebagaimana yang ditunjukkan oleh sistem politik moden yang mengharuskan setiap calon bertanding dalam perebutan kepimpinan dan kekuasaan.

Transisi kepimpinan dan kekuasaan ketika zaman Khulafa' al-Rasyidin juga tidak terdapat petunjuk atau contoh bagaimana sebenarnya mekanisme mengakhiri sebuah jawatan ketua negara (Khalifah) kerana keempat-empat khalifah tersebut mengakhiri kepimpinan dan kekuasaan mereka kerana meninggal dunia malah ada yang secara

mendadak seperti Umar Ibn Khattab dan Uthman Ibn Affan. Abu Bakar meninggal setelah hampir dua tahun mentadbir sedangkan Umar Ibn Khattab, Uthman Ibn Affan dan Ali berakhir dibunuh setelah mereka masing mentadbir hampir sepuluh tahun, dua belas tahun dan kurang dari lima tahun.

Pada zaman khalifah tersebut kepimpinan dan kekuasaan dipilih bukan berasaskan garis keturunan kerana pada ketika itu kepimpinan tidak diwariskan tetapi berasaskan prestasi, kapasiti dan juga pengalaman yang sangat panjang daripada para khalifah tersebut dalam memahami Islam dan mereka memiliki reputasi yang sangat baik dalam kalangan umat Islam pada ketika itu. Apatahlagi para khalifah tersebut sememangnya mereka yang berpengaruh bukan sahaja bagi umat Islam tetapi juga sangat disegani dan ditakuti oleh bangsa lain, sehingga tidak perlu diragukan lagi bahawa para khalifah adalah mereka yang mempunyai prestasi sangat baik dan sesuai untuk menjadi pemimpin.

Apa yang terjadi pada proses pemilihan dan transisi kekuasaan Khulafa' al-Rasyidin menunjukkan bahawa Islam memberikan petunjuk yang jelas bahawa kekuasaan itu bukan untuk direbut kerana kepimpinan merupakan satu perkara yang sangat penting. Para sahabat melalui ijtihad mereka melakukan musyawarah sesuai dengan tuntunan al-Quran dan Sunnah. Tentunya mereka memahami bahawa urusan memilih dan melantik pemimpin haruslah sesuai dengan kaedah yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan Sunnah, walaupun dengan model yang berbeza tetapi tetap melalui rundingan (musyawarah) oleh mereka yang memiliki kapasiti Islam, serta haruslah dilakukan baiah oleh umat Islam untuk melegitimasi kekuasaan tersebut.

Bebas daripada Perebutan Kuasa

Hal pengambil keputusan biasanya memperlihatkan para khalifah selalunya mendahulukan syura atau musyawarah dan meminta pandangan daripada para tokoh senior dan rakyat sehingga keputusan yang diambil adalah keputusan untuk kemaslahatan umat bersama. Penggunaan syura ini adalah untuk menyelesaikan sesuatu urusan dan juga memberikan solusi yang terbaik kerana syura atau musyawarah merujuk kepada al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW yang sentiasa mendahulukan musyawarah dalam penyelesaian masalah ummat.

Dalam kes keempat-empat khalifah tersebut tidak ada satu pun yang meminta jawatan tersebut atau merasakan mereka adalah orang yang paling sesuai menerima jawatan khalifah. Ini boleh dilihat dalam sejarahnya bahawa para Khulafa' al-Rasyidin selalunya menghindari daripada konflik dengan meminta jawatan. Ini boleh dilihat bagaimana Abu Bakar yang menerima baiah daripada orang Muslim pada ketika

itu, begitu juga Umar Ibn Khattab yang ditunjukkan oleh Abu Bakar juga Uthman dan Ali yang mana mereka selalunya meminta pandangan dan pendapat daripada para tokoh Islam ketika masa itu untuk memberikan gambaran tentang sesiapa yang layak dan sesuai untuk menjadi pemimpin atau khalifah.

Zuhudnya para khalifah itu memperlihatkan bahawa sebenarnya dalam Islam dilarang untuk meminta jawatan apatah lagi sehingga berebut kekuasaan, mereka bahkan saling menolak satu sama lain untuk tidak menjadi pemimpin. Politik Islam memperlihatkan bahawa kekuasaan itu bukan untuk diperebutkan apatahlagi sehingga terjadinya perang, saling membunuh dan sebagainya. Para khalifah tersebut mendahulukan musyawarah dengan meminta pandangan para sahabat senior sebagai bentuk sokongan dan legitimasi kekuasaan mereka apabila mereka berkuasa kelak. Para khalifah tersebut turut berasa takut apabila berlakunya perpecahan dalam kalangan umat Islam apabila mereka berkuasa. Oleh sebab itulah mereka sering berusaha untuk mendahulukan musyawarah dan bermuafakat dalam menentukan sesiapa yang menjadi khalifah bagi menggantikan Rasulullah SAW.

Merujuk kepada bagaimana para Khulafa' al-Rasyidin tersebut mentadbir dalam hal kekuasaan mereka senantiasa dekat dengan umatnya (rakyat), kerana para Khulafa' al-Rasyidin tersebut tidak pernah menganggap diri mereka sebagai bayang-bayang Allah di muka bumi. Sangat berbeza ketika kekuasaan itu terjadi pasca Khulafa' al-Rasyidin yang mana para pemimpin itu menganggap diri mereka adalah wakil Allah SWT di muka bumi. Mengikut Grunebaum (1970) dalam Muhammad Iqbal (2000) dalam sejarahnya orang yang pertama kali memperkenalkan dirinya sebagai Khalifah (wakil) Tuhan di bumi adalah Khalifah Abu Ja'far al-Manshur dari bani 'Abbas, dengan alasan bahawa khalifah mentadbir berasaskan mandat Tuhan sehingga kekuasaannya adalah suci dan mutlak serta harus dipatuhi. Khalifah adalah bayang-bayang Allah di dunia (*The Shadow of the God on The Earth*).

Hal ini sangat berbeza sekali dengan para Khulafa' al-Rasyidin yang menolak menggunakan perkataan Khalifatullah, Abu Bakar lebih memilih Khalifah (Rasulullah SAW) (Pengganti Rasulullah SAW) sedangkan Umar Ibn Khattab lebih suka dipanggil sebagai Amir al-Mu'minin (pemimpin orang beriman), kerana kepimpinan mereka bukanlah dinasti dan keturunan raja sebagaimana sistem kerajaan yang feodal.

Wajib Melalui Perbincangan dan Perlu ada Ketelusan

Daripada fakta sejarah yang telah dibincangkan ternyata perbincangan sesama pemimpin atasan adalah paling utama. Perbincangan atau musyuarah ini dilakukan

secara terbuka dan pendapat golongan kanan yang amat dihormati atau majlis syura pada ketika itu diambil kira. Namun perlu juga difahami bahawa golongan kanan di sini bukanlah calang-calang pemimpin. Mereka merupakan para sahabat yang dekat dengan Rasulullah SAW semasa hidupnya dan ada yang termasuk dalam jaminan syurga. Golongan ini selalu memikirkan kepentingan umat dan agama. Walaupun Abu Bakar menunjukkan Umar Ibn Khattab sebagai satu-satunya calon sebagai penggantinya. Walaubagaimanapun tidak dilakukan dengan sesuka hatinya. Semasa beliau berada dalam keadaan tenat, beliau berunding terlebih dahulu dengan pemimpin kanan yang dihormati. Hanya setelah mendapat persetujuan mereka barulah beliau sebulat suara dengan keputusannya untuk menamakan Umar Ibn Khattab sebagai pengganti.

Wajib Ada Penerimaan Awam atau Legitimasi, Baiah

Pemilihan yang dibuat sama ada secara syura ini walaubagaimanapun masih tidak lengkap jika tidak mendapat legitimasi orang ramai, khususnya para sahabat yang lain. Maka dengan itu, diberikan fakta sejarah juga telah menunjukkan betapa setiap satu pemimpin yang dipilih dengan segera baiah atau kepercayaan diberikan kepada beliau. Pada zaman itu bilangan penduduk adalah kecil, maka baiah secara langsung boleh diberikan dengan mereka menemui beliau, bersalam atau memeluknya dan menyatakan penerimaan mereka kepada pemilihan itu. Berdasarkan cerita tersebut juga terdapat fakta betapa bai'ah tidak diberikan pemimpin tertentu kepada Ali Ibn Talab dan Abu Bakar, namun fakta itu juga menjelaskan betapa bilangannya adalah satu atau sangat asing daripada bilangan ramai yang memberi sokongan. Ternyata ia merupakan kes terpencil. Dalam keadaan masyarakat yang sudah berkembang besar ternyata legitimasi langsung seperti ini tidak sesuai lagi. Maka kertas undi diwujudkan tetapi cara memilih calon itu yang kelihatan tidak langsung menurut teladan yang telah diberikan.

Tidak Ada Pemilihan Berasaskan Keturunan

Fakta sejarah Khulafa' al-Rasyidin ini menarik untuk diperhatikan apabila tidak ada satu pun pemilihan yang dibuat berasaskan keturunan atau memilih anaknya sebagai pengganti. Ternyata amalan seterusnya yang terdapat dalam Bani Umaiyah itu menyimpang daripada amalan khalifah yang empat ini. Daripada contoh ini dapat dirumuskan betapa Islam tidak memberi contoh pemilihan pemimpin berasaskan keturunan. Paling dekat kepada kes ini ialah bagaimana Abdullah bin Umar dicadangkan untuk menggantikan Umar al-Khattab oleh segolongan penyokongnya ketika Umar Ibn Khattab sedang tenat. Umar Ibn Khattab menolak dan memberikan satu senarai nama mereka yang layak, meskipun Abdullah b. Umar terdapat dalam senarai namun beliau tidak diberikan hak mengundi, sekali gus meletakkan tarafnya lebih rendah daripada barisan calon yang lebih dihormati itu. Ketelusan dan integriti

yang tinggi ini sudah diberikan contoh dalam Islam sejak dari pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin. Seyogianya ia diambil iktibarnya.

Oleh itu, satu pertanyaan boleh dibangkitkan iaitu, bagaimana dengan kedudukan kepimpinan warisan Khulafa' al-Rasyidin itu dengan politik semasa? Apabila merujuk kepada banyak negara Muslim, tiada satupun dari negara itu yang mencontohi model pemilihan pemimpin atau transisi kepimpinan daripada para Khalifah tersebut. Indonesia dan Malaysia merupakan negara Muslim terbesar bahkan memilih demokrasi barat sebagai sistem pemilihan kekuasaan. Brunei Darussalam, Arab Saudi, Bahrain, Oman, Uni Emirat Arab memilih monarki sebagai modelnya yang bahkan tidak dicontohkan oleh para khalifah tersebut.

Beberapa negara seperti Mesir, Maghribi, Jordan, Syiria dan Yaman (sekadar menyebut nama) juga tidak mengguna pakai model yang ditunjukkan oleh pemimpin terbaik Islam iaitu khalifah al-Rasyidin. Apa yang salah dengan sistem tersebut, sehingga negara-negara yang majoritinya adalah muslim malah tidak sama sekali mengikut model yang dicontohkan oleh Khulafa' al-Rasyidin tersebut? Bahkan Iran yang berkempen sebagai negara Republik Islam Iran menggunakan sistem *Syiah Imamah* yang tiada kena mengena langsung dengan apa yang dicontohkan oleh para khalifah tersebut. Dalam konteks ini dapat dilihat bahawa model terbaik warisan para khalifah tidak memberikan kesan yang baik bagi para pemimpin negara muslim, mereka lebih rela memilih sistem demokrasi barat dan juga monarki sebagai sistem politiknya sehingga warisan para khalifah tidak menjadi rujukan utama.

Apa silapnya dengan para khalifah tersebut? Tidak ada, Abu Bakar adalah sahabat utama Rasulullah SAW dan juga mertua beliau yang berhijrah bersama Rasulullah SAW, yang membenarkan atau menerima perjalan Isra' dan Mi'raj Rasulullah, seorang yang alim dan terbaik. Umar Ibn Khattab adalah seorang pemimpin yang cerdas, cergas, cekap, tegas pakar dalam bidang hukum. Uthman Ibn Affan adalah pemimpin yang dermawan, adil, alim dan menantu Rasulullah. Ali Ibn Abu Thalib seorang khalifah yang luar biasa, pemimpin yang adil, tegas, jujur dan sederhana, seorang menantu Rasulullah. Namun, model transisi kepimpinan yang mereka contohkan tidak sedikitpun dicontohi oleh negara Muslim. Model yang dicontohkan adalah model terbaik daripada orang yang terbaik, bebas daripada perebutan kuasa, bebas daripada nepotisme, bebas dari rasuah, bebas daripada kempen hitam dan kempen negatif, tidak ada politik wang yang ada dalam sistem politik moden masa kini.

Sayangnya kini satupun negara Muslim yang mengguna pakai model-model kepimpinan tersebut. Negara tersebut lebih akur dengan sistem barat yang mempunyai pelbagai macam alasan. Sangat mengecewakan tetapi itulah faktanya

sebagai seorang Muslim yang tentunya harus mula belajar daripada para Khulafa' al-Rasyidin tersebut sebagai contoh terbaik bagi umat Islam.

KESIMPULAN

Pemilihan para Khulafa' al-Rasyidin tampak jelas bahawa Islam selalunya mendahulukan musyawarah dalam penentuan pemimpin mereka atau dikenali dengan syura. Mereka juga mendapat sokongan ramai dengan cara bai'ah yang diberikan. Berdasarkan perbincangan dapat disimpulkan bahawa pemilihan Khulafa al Rasyidin secara tidak langsung menemukan kepada tiga model berikut;

1. Musyawarah segera dalam kalangan pemimpin atasan atau syura, untuk mencari pengganti.
2. Ditunjukkan (atau wasiat) oleh pemimpin yang akan digantikan dengan menamakan calon baharu, tetapi setelah mesyuarah dibuat.
3. Memberikan satu senarai nama mereka yang layak dan kemudian majlis syura bermesyuarah untuk memilih dalam kalangan mereka yang tersenarai.

Selain itu, dalam Islam juga tidak menentukan bagaimana kepimpinan itu boleh berakhir kerana tidak ada penggal tertentu dalam mengakhiri sebuah pemerintahan sama ada sepenggal atau dua penggal sahaja seperti kekuasaan demokrasi.

Hal tersebut menjadi fenomena politik tersendiri dalam politik Islam, kerana Islam sebagai sebuah agama yang *kaffah* menegaskan bahawa dalam setiap kumpulan walaupun sedikit wajib hukumnya untuk memilih seorang pemimpin, bahkan ketika seseorang dalam perjalanan untuk berpergian maka haruslah menentukan seorang pemimpin daripada mereka walaupun cuma tiga orang sahaja.

Justeru dalam beberapa rujukan, literatur dan fakta tentang pemilihan khalifah tersebut bahawasanya para khalifah selalunya bermusyawarah dengan para sahabat terutamanya para sahabat senior yang memiliki keimanan dan pengetahuan yang luas tentang agama sebelum menentukan sesiapa yang berhak menjadi pemimpin dan pada perkembangannya mekanisme tersebut disebut dengan sistem syura dan terhimpun dalam *al-Ahli wal aqdi*.

Sayangnya dalam politik semasa tidak menemui satu negara Muslim pun yang menggunakan model kepimpinan Islam yang dicontohkan oleh para Khulafa' al-Rasyidin tersebut. Banyak negara Muslim memilih sistem politik yang jauh berbeza dengan apa yang dicontohkan sama ada menggunakan demokrasi barat ataupun *absolute* Monarki. Seperti ada ketakutan apabila menggunakan sistem Khulafa' al-Rasyidin tersebut, walaupun sistem kekhalifahan tersebut merupakan contoh daripada orang terbaik dan menggunakan sistem terbaik pula.

RUJUKAN

- Abu'l-Hasan al-Mawardi. 2005. *Al-ahkam As-Sulthaniyah (The Laws of Islamic Government)*. Terj. Asadullah Yate. London: Ta-Ha Publisher.
- Aziz. T.M. 2000. Ulama dan rakyat: Konsepsi kedaulatan dalam wacana politik syiah kontemporeri. *Jurnal al-Huda* 1(2): 134-135.
- Bolden, Richard. 2004. *What Is Leadership? Leadership South West, Research Report 1*. Exeter: Centre for Leadership Studies, University of Exeter.
- Cohen. W. A. 2010. *Heroic Leadership. Leading Integrity and Honor*. San Fransisco: Jossey-Bass.
- Dahl, Robert. 1971. *Polyarchy: Participation and Opposition*. New Haven: Yale University Press.
- Grunebaum, G, E. von. 1970. Clasicl Islam a history 600 ad to 1258 ad. Dlm. *Fiqh Siyasah, Kontekstualisasi Doktrin Politik Islam*, disunting oleh Muhammad Iqbal. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama
- Greenberg. J. 2011. *Behavior in Organization*. 10th Edition. New Jersey: Practice Hall.
- Huntington, Samuel P. 1991. *The Third Wave: Democratization in the Late Twentieth Century*. Norman, Oklahoma: University of Oklahoma Press.
- Ibn Khateer, At-Thabari & As-Syooti. 2001. *Biographies of the Rightly Guided Caliphs*. Terj. Taamir Abu As-Su'ood Muhammad dan Noha Kamal Ed-Din Abu al-Yazid. Egypt: Dar al-Manarah.
- al-Anbariy, Khalid Ali Muhammad. 2008. *Sistem Politik Islam: Menurut Pandangan al-Quran, al-Hadis dan Pendapat Ulama Salaf*. Terj. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Lijphart, Arend. 1984. *Democracies: Pattern of Majoritarian and Consensus Government in Twenty-One Countries*. New Haven: Yale University Press.
- Muhammad Husein Haykal 1995. *Abu Bakr yang Lembut Hati*. Terj. Ali Audah. Jakarta: Litera AntarNusa.
- Muhammad Iqbal. 2000. *Fiqh Siyasah, Kontekstualisasi Doktrin Politik Islam*. Jakarta: Penerbit Gaya Media Pratama
- Muhammad Sharif Chaudry. 1996. *An Introduction to Islamic State and Government*. Kuwait: Islamic Book Publisher.

- Munawir Sadzali. 1990. *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*. Jakarta: Penerbit Universitas Indonesia (UI-Press).
- Northouse, H. 2004. *Leadership: Theory and Practice*. 3rd Edition. London: Sage.
- Omaridin Ashaari. 2008. *Sistem Politik dalam Islam*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Robbins, S.P & Judges, T.A. 2010. *Organizational Behavior*. New Jersey: Pearson.
- Schumpeter, J.A. 1947. *Capitalism, Socialism and Democracy*. 2nd Edition. New York: Harper.
- Toto Tasmara. 2002. *Membudayakan Etos Kerja Islami*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Umar Husein. 1998. *Riset Sumber Daya Manusia dalam Organisasi*. Jakarta: PT. Gramedia Pustaka Utama.
- Yukl, G.A. 2002. Leadership in organization. Dlm. *What is Leadership? Leadership South West, Research Report 1*, disunting oleh Bolden, Richard. Exeter: Centre for Leadership Studies, University of Exeter.
- Zakaria@Mahmod Daud. 1996. *Syi'ah Imamiyyah Pandangannya terhadap Tiga Khalifah al-Rashidin*. Selangor D.E. Penerbitan al-Ramadhan.

